



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

**GARIS PANDUAN**  
**AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT**

---

**PERMOHONAN PELESENAN TERMINAL  
STESEN DAN PUSAT PENGANGKUTAN**

**Pemberitahuan:**

Garis panduan ini bertujuan untuk membantu pemohon, pemegang lesen dan pihak-pihak yang berminat dalam mengetahui lebih lanjut berkenaan pelesenan terminal stesen dan pusat pengangkutan. Garis panduan ini merangkumi perkara-perkara seperti syarat-syarat permohonan, keperluan dokumen, fi pelesenan dan perkara-perkara berkaitan dengan lesen terminal. Maklumat pada dokumen ini adalah sebagai panduan sahaja dan tidak boleh dijadikan sebagai nasihat perundangan atau dianggap sebagai menggantikan peruntukan perundangan.

Agensi Pengangkutan Awam Darat berhak untuk membuat pindaan atau perubahan kepada dokumen ini tanpa memberikan sebarang notis terlebih dahulu.

**TARIKH: 1 April 2024**

**Versi 1**

## **1. TUJUAN**

- 1.1 Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan perkara berkaitan dengan proses pengeluaran lesen terminal kepada mana-mana pemilik terminal atau pengendali terminal yang berhubungan dengan stesen tunggal atau pelbagai modal dan pusat pengangkutan yang dikhususkan bagi pengangkutan awam darat di Semenanjung Malaysia.

## **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pada 1 Januari 2019, pelesenan terminal di bawah peruntukan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715] telah diwartakan bagi membolehkan pengawalseliaan tehadap terminal pengangkutan awam darat dilaksanakan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) melalui pengeluaran lesen terminal kepada pemegang lesen terminal.
- 2.2 Susulan daripada itu, APAD juga telah membangunkan Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Pelesenan Terminal) (Stesen dan Pusat Pengangkutan) 2024 dan telah diwartakan pada 5 Februari 2024 dan dikuatkuasakan pada 6 Februari 2024 yang menjelaskan peraturan bagi permohonan pelesenan.

## **3. PEMAKAIAN**

- 3.1 Garis panduan ini hendaklah diguna pakai pada tarikh kuat kuasa penggunaannya dan apa-apa peruntukan pekeliling lain yang dikeluarkan oleh S.P.A.D berkenaan dengan pelesenan terminal sebelum tarikh kuat kuasa garis panduan ini adalah tidak sah setakat ianya bercanggah dengan peruntukan peraturan dan garis panduan ini.

#### 4. BENTUK LESEN

4.1 Lesen terminal mengandungi tiga (3) komponen utama seperti berikut:

Bil.	Komponen	Perincian
(a)	Lesen Terminal	Mengandungi maklumat utama terminal yang terdiri daripada kategori terminal, nama pemegang lesen terminal, nama terminal, alamat terminal, gred terminal dan tempoh lesen terminal seperti di <b>lampiran 1</b> .
(b)	Sijil Penarafan Gred Terminal	Gred Terminal akan dinilai oleh Pegawai Pengangkutan Awam Darat melalui pemeriksaan audit terminal berdasarkan kemudahan, fasiliti dan tahap perkhidmatan yang disediakan seperti di <b>lampiran 2 - Garis Panduan Penarafan Gred Terminal</b> .  Sijil ini mengandungi maklumat yang terdiri daripada nama terminal, penarafan gred terminal dan tempoh sijil seperti di <b>lampiran 3</b> .
(c)	Keperluan Tahap Perkhidmatan	Syarat-syarat lesen dan keperluan yang perlu dipatuhi oleh pemegang lesen terminal yang mencakupi aspek pematuhan, kemudahan dan penyelenggaraan, pengoperasian dan pengendalian, sekuriti dan keselamatan, dokumen, penyimpanan rekod serta caj terminal.

## 5. FI LESEN DAN CAJ TERMINAL

- 5.1 Mekanisma penetapan kadar fi lesen dan caj terminal akan ditentukan seperti berikut:

Bil.	Butiran	Perincian
(a)	Fi Lesen	<p>Kadar Fi Lesen ditentukan oleh kategori terminal mengikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Purata harian jumlah penumpang dalam setahun <b>yang mana lebih tinggi</b>; atau</li> <li>ii. Purata harian jumlah kemasukan kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan pelancongan dalam setahun <b>yang mana lebih tinggi</b>.</li> </ul> <p>Fi lesen merupakan kadar tahunan yang perlu dibayar oleh pemegang lesen terminal kepada APAD dari tarikh kelulusan lesen dan perlu diperbaharui setiap tahun. Penetapan kadar fi lesen mengikut kategori terminal seperti di <b>lampiran 4</b>.</p>
(b)	Caj Terminal	<p>Kadar caj terminal ditentukan oleh penarafan gred terminal yang dinilai oleh Pegawai Pengangkutan Awam Darat melalui audit terminal.</p> <p>Caj terminal ini merupakan caj yang boleh dikenakan oleh pemegang lesen terminal mengikut gred kepada pengguna terminal. Penetapan kadar caj terminal mengikut gred seperti di <b>lampiran 5</b>.</p>

## 6. PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

- 6.1 Suatu tempat itu ditentukan sebagai terminal stesen dan pusat pengangkutan jika mempunyai keperluan minima infrastuktur dan fasiliti seperti berikut:
- i. kaunter penjualan tiket bas ekspres;
  - ii. platform/petak bas mengambil penumpang;
  - iii. platform/petak bas menurunkan penumpang;
  - iv. kerusi menunggu kekal;
  - v. tempat menunggu berbumbung;
  - vi. tandas lelaki dan perempuan;
  - vii. pencahayaan minima 300 lux; dan
  - viii. tong sampah.
- 6.2 Penentuan pihak yang berhasrat untuk memohon lesen terminal terpakai bagi mana-mana pihak sama ada pemilik terminal atau pihak ketiga yang telah dilantik oleh pemilik terminal untuk mengendalikan operasi terminal mencakupi aktiviti mengambil dan menurunkan penumpang, aktiviti perniagaan, aktiviti masuk dan keluar orang di terminal dan lain-lain aktiviti di dalam kawasan terminal termasuklah:
- (i) kutipan caj terminal;
  - (ii) pengurusan dan pengawalselian operasi terminal;
  - (iii) pembersihan dan penyenggaraan; dan
  - (iv) sistem keselamatan dan sekuriti.
- 6.3 Pemilik terminal hendaklah memohon lesen terminal sekiranya aktiviti operasi terminal yang dinyatakan di dalam perkara 6.2 (i), (ii), (iii), dan (iv) tidak dikendalikan oleh syarikat yang sama.
- 6.4 Sekiranya pemilik terminal adalah Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan yang tidak mengendalikan perkara 6.2 (i), (ii), (iii) dan (iv), pemilik terminal hendaklah melantik suatu syarikat bagi mewakili pemilik terminal untuk memohon lesen terminal.

## 7. SKOP PERMOHONAN BAGI LESEN

- 7.1 Setiap pemohon dan pemegang lesen terminal hendaklah mengambil perhatian terhadap polisi, tatacara dan syarat kelayakan permohonan bagi melancarkan setiap proses permohonan yang dikemukakan kepada APAD.
- 7.2 Setiap permohonan akan diproses dalam tempoh piagam pelanggan. Keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui sistem pelesenan kenderaan perdagangan (i-SPKP) di pautan <https://iportal.ispkp.gov.my>. Tempoh kelulusan permohonan adalah berdasarkan maklumat dan dokumen yang lengkap, teratur dan sempurna.
- 7.3 Jenis permohonan bagi pelesenan terminal adalah seperti berikut:
- (i) Permohonan Baharu;
  - (ii) Permohonan Pembaharuan
  - (iii) Permohonan Pengubahan;
  - (iv) Permohonan Pembatalan; dan
  - (v) Permohonan Pendua Lesen.
- 7.4 Mana-mana orang yang berhasrat untuk mengendalikan operasi suatu terminal hendaklah mematuhi syarat-syarat asas kelayakan seperti berikut:

Bil.	Syarat Asas Kelayakan Permohonan
1.	Syarikat Sdn. Bhd atau Berhad yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia. <i>(tidak terpakai kepada Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan)</i>
2.	Status pemilikan ekuiti mempunyai sekurang-kurangnya seorang pemegang saham berstatus warganegara Malaysia. <i>(tidak terpakai kepada Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan)</i>
3.	Mempunyai modal berkabaran tidak kurang RM 250,000. <i>(tidak terpakai kepada Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan)</i>
4.	Mempunyai modal terkumpul/kemampuan kewangan bersamaan nilai 30% daripada kos penyelenggaran dan operasi terminal. <i>(tidak terpakai kepada Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan)</i>
5.	Bangunan atau tempat terminal perlu siar warta di bawah peruntukan subseksyen 72(1) Akta Pengangkutan Jalan sebagai tempat perhentian bagi kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan barang.

7.5 Berikut adalah keperluan dokumen asas permohonan atau dokumen tambahan (jika berkenaan):

### 7.5.1 PERMOHONAN BAHARU

<b>Dokumen bagi Syarikat Sdn Bhd/Berhad</b>	
Maklumat Profil Syarikat	<p><u>Syarikat</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Maklumat Korporat dan Maklumat Kewangan Teraudit dari perkhidmatan e-Info/MyData SSM tidak melebihi sembilan puluh (90) hari dari tarikh permohonan.</li> <li>▪ Status Syarikat adalah aktif = 'Existing'</li> </ul>
Maklumat Kewangan/Laporan Pendapatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Maklumat Kewangan Teraudit dari perkhidmatan e-Info/MyData SSM tidak melebihi sembilan puluh (90) hari dari tarikh permohonan; atau</li> <li>▪ Salinan Laporan Audit Tahunan yang terkini bagi Syarikat Sdn.Bhd atau Berhad. (hanya untuk syarikat yang bagi Laporan Audit Tahunan yang N/A atau tidak terkini dalam e-info/MyData SSM)</li> </ul>
Bukti kemampuan kewangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Salinan penyata bank tiga (3) bulan berturut yang terkini; dan</li> <li>▪ Salinan slip simpanan tetap dari institusi kewangan (jika ada);</li> <li>▪ Salinan surat kelulusan/geran pinjaman dari institusi kewangan (jika ada).</li> </ul>
Dokumen	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Salinan Pelan Lantai Bangunan/Terminal yang diperakui dan disahkan oleh Arkitek Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia; dan</li> <li>▪ Salinan Lukisan Siap Bina (As-Built Drawings) yang diperakui dan disahkan oleh Arkitek Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia.</li> </ul>
Kontrak/Surat Lantikan	Salinan kontrak/Surat Lantikan yang dikeluarkan oleh pemilik bangunan/terminal kepada pihak ketiga bagi kebenaran menjalankan aktiviti operasi terminal. (jika berkaitan)
Dokumen	Salinan Dokumen Peraturan Dalaman Terminal ( <i>In House Rules</i> ).

<b>Dokumen bagi Syarikat Sdn Bhd/Berhad</b>	
Dokumen	Salinan Dokumen <i>Emergency Response Plan (ERP)</i> .
Dokumen	Salinan pewartaan bangunan sebagai sasaran penting yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan. (jika berkaitan)
Dokumen	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Salinan Sijil Layak Menduduki (CF); atau</li> <li>▪ Salinan Sijil Penyiapan dan Pematuhan Bangunan (CCC)</li> </ul>
Dokumen Tambahan	Lain-lain dokumen yang berkaitan atau sepetimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Agensi Pengangkutan Awam Darat.
Tempoh lesen terminal yang di keluarkan adalah sehingga satu ( 1 ) tahun.	

<b>Dokumen bagi Kerajaan Persekutuan / Kerajaan Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan</b>	
Akta Penubuhan	Salinan Akta Pewartaan Penubuhan sebagai Agensi Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
Dokumen	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Salinan Pelan Lantai Bangunan/Terminal yang diperakui dan disahkan oleh Arkitek Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia; dan</li> <li>▪ Salinan Lukisan Siap Bina (As-Built Drawings) yang diperakui dan disahkan oleh Arkitek Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia</li> </ul>
Kontrak/Surat Lantikan	Salinan kontrak/Surat Lantikan yang dikeluarkan oleh pemilik bangunan/terminal kepada pihak ketiga bagi kebenaran menjalankan aktiviti operasi terminal. (jika berkaitan)
Dokumen	Salinan Dokumen Peraturan Dalaman Terminal ( <i>In House Rules</i> ).
Dokumen	Salinan Dokumen <i>Emergency Response Plan (ERP)</i> .

<b>Dokumen bagi Kerajaan Persekutuan / Kerajaan Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan</b>	
Dokumen	Salinan pewartaan bangunan sebagai sasaran penting yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan. (jika berkaitan)
Dokumen	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Salinan Sijil Layak Menduduki (CF); atau</li> <li>▪ Salinan Sijil Penyiapan dan Pematuan Bangunan (CCC)</li> </ul>
Dokumen Tambahan	Lain-lain dokumen yang berkaitan atau sepetimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Agensi Pengangkutan Awam Darat.
Tempoh lesen terminal yang di keluarkan adalah sehingga satu ( 1 ) tahun.	

### 7.5.2 PERMOHONAN PEMBAHARUAN

<b>Dokumen bagi Syarikat Sdn Bhd/Berhad</b>	
Maklumat Profil Syarikat	<p><u>Syarikat</u></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Maklumat Korporat dan Maklumat Kewangan Teraudit dari perkhidmatan e-Info/MyData SSM tidak melebihi Sembilan puluh (90) hari dari tarikh permohonan.</li> <li>▪ Status Syarikat adalah aktif = 'Existing'</li> </ul>
Maklumat Kewangan/Laporan Pendapatan	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Maklumat Kewangan Teraudit dari perkhidmatan e-Info/MyData SSM tidak melebihi sembilan puluh (90) hari dari tarikh permohonan; atau</li> <li>▪ Salinan Laporan Audit Tahunan yang terkini bagi Syarikat Sdn.Bhd atau Berhad. (hanya untuk syarikat yang bagi Laporan Audit Tahunan yang N/A atau tidak terkini dalam e-info/MyData SSM)</li> </ul>

<b>Dokumen bagi Syarikat Sdn Bhd/Berhad</b>	
Bukti kemampuan kewangan	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Salinan penyata bank tiga (3) bulan berturut yang terkini; dan</li> <li>▪ Salinan slip simpanan tetap dari institusi kewangan (jika ada);</li> <li>▪ Salinan surat kelulusan/geran pinjaman dari institusi kewangan (jika ada).</li> </ul> <p><b>** Jika berkaitan (sekiranya menerima kontrak baru daripada pemilik bangunan)</b></p>
Kontrak/Surat Lantikan	Salinan kontrak/Surat Lantikan yang dikeluarkan oleh pemilik bangunan/terminal kepada pihak ketiga bagi kebenaran menjalankan aktiviti operasi terminal. (jika berkaitan)
Dokumen	<p>Salinan Dokumen Peraturan Dalaman Terminal (<i>In House Rules</i>).</p> <p>(Jika terdapat perubahan atau telah melebihi dua (2) tahun)</p>
Dokumen	<p>Salinan Dokumen <i>Emergency Response Plan (ERP)</i>.</p> <p>(Jika terdapat perubahan atau telah melebihi dua (2) tahun)</p>
Dokumen	Salinan pewartaan bangunan sebagai sasaran penting yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan. (jika berkaitan)
Dokumen Tambahan	Lain-lain dokumen yang berkaitan atau sepetimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Agensi Pengangkutan Awam Darat.
Tempoh lesen terminal yang di keluarkan adalah sehingga satu ( 1 ) tahun.	

<b>Dokumen bagi Kerajaan Persekutuan / Kerajaan Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan</b>	
Dokumen	<p>Salinan Dokumen Peraturan Dalaman Terminal (<i>In House Rules</i>).</p> <p>(Jika terdapat perubahan atau telah melebihi dua (2) tahun)</p>
Dokumen	<p>Salinan Dokumen <i>Emergency Response Plan (ERP)</i>.</p> <p>(Jika terdapat perubahan atau telah melebihi dua (2) tahun)</p>

<b>Dokumen bagi Kerajaan Persekutuan / Kerajaan Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan</b>	
Kontrak/Surat Lantikan	Salinan kontrak/Surat Lantikan yang dikeluarkan oleh pemilik bangunan/terminal kepada pihak ketiga bagi kebenaran menjalankan aktiviti operasi terminal. (jika berkaitan)
Dokumen	Salinan pewartaan bangunan sebagai sasaran penting yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan. (jika berkaitan)
Dokumen Tambahan	Lain-lain dokumen yang berkaitan atau sepetimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah Agensi Pengangkutan Awam Darat.
Tempoh lesen terminal yang di keluarkan adalah sehingga satu ( 1 ) tahun.	

### 7.5.3 PERMOHONAN PENGUBAHAN

<b>Pengubahan Nama Terminal Atau Alamat Terminal</b>	
<b>Syarikat Sdn.Bhd/Berhad/Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan</b>	
Ubah Nama Terminal/ Alamat Terminal	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Salinan pewartaan nama atau alamat terminal baharu; dan</li> <li>▪ Surat rasmi dengan menggunakan kepala surat (letter head) syarikat atau Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/PBT bagi memaklumkan perubahan nama terminal.</li> </ul>

<b>Pengubahan Ahli Lembaga Pengarah Atau Pemegang Ekuiti</b>	
<b>Syarikat Sdn.Bhd/Berhad</b>	
Ubah Ahli Lembaga Pengarah/ Pemegang Ekuiti	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Perubahan dikemas kini di dalam sistem i-SPKP sebelum sebarang permohonan pengubahan lain dibenarkan.</li> </ul>

<b>Pengubahan Nama dan Alamat Daftar</b>	
<b>Syarikat Sdn.Bhd/Berhad/Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan</b>	
Ubah Nama/Alamat Daftar Syarikat	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Perubahan dikemas kini di dalam sistem i-SPKP sebelum sebarang permohonan pengubahan lain dibenarkan.</li> </ul>
Ubah Nama dan Alamat Daftar (Bangunan) Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri/ PBT	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Surat rasmi dengan menggunakan kepala surat (letter head) Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/PBT bagi memaklumkan perubahan nama atau alamat daftar.</li> </ul>

<b>Pengubahan Waktu Operasi Terminal</b>	
<b>Syarikat Sdn.Bhd/Berhad/Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan</b>	
Ubah Waktu Operasi Terminal	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Surat rasmi dengan menggunakan kepala surat (letter head) syarikat atau Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/PBT bagi memaklumkan perubahan waktu operasi terminal.</li> <li>▪ Perubahan dikemas kini di dalam sistem i-SPKP.</li> </ul>

<b>Pengubahan Pelan Lantai</b>	
<b>Syarikat Sdn.Bhd/Berhad/Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan</b>	
Ubah Pelan Lantai Terminal	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Salinan Pelan Lantai Bangunan/Terminal yang diperakui dan disahkan oleh Arkitek Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia; dan</li> <li>▪ Salinan Lukisan Siap Bina (As-Built Drawings) yang diperakui dan disahkan oleh Arkitek Profesional yang berdaftar dengan Lembaga Arkitek Malaysia.</li> <li>▪ Lain-lain dokumen berkaitan.</li> </ul>

<b>Pengubahan Gred Terminal</b>	
<b>Syarikat Sdn.Bhd/Berhad/Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan</b>	
Ubah Gred Terminal	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Perubahan dikemas kini di dalam sistem i-SPKP melalui penilaian awalan kendiri oleh pemohon.</li> <li>▪ Lain-lain dokumen berkaitan.</li> </ul>

<b>Pengubahan Terminal Sementara</b>	
<b>Syarikat Sdn.Bhd/Berhad/Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan</b>	
Ubah Terminal Sementara	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Salinan pelan lokasi sementara;</li> <li>▪ Salinan pelan aliran trafik kenderaan;</li> <li>▪ Surat rasmi dengan menggunakan kepala surat (letter head) syarikat atau Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/PBT bagi memaklumkan perubahan sementara lokasi terminal.</li> </ul>

#### 7.5.4 PERMOHONAN PEMBATALAN

<b>Salinan Pembatalan</b>	
<b>Syarikat Sdn.Bhd/Berhad/Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan</b>	
Pembatalan kekal	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Surat rasmi dengan menggunakan kepala surat (letter head) Syarikat atau Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/PBT bagi memaklumkan pembatalan terminal.</li> <li>▪ Salinan pembatalan pewartaan terminal. (jika berkaitan)</li> </ul>
Pembatalan Sementara disebabkan pembatalan syarikat lantikan lama	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Surat rasmi dengan menggunakan kepala surat (letter head) syarikat atau Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/PBT bagi memaklumkan pembatalan syarikat lantikan; atau</li> <li>▪ Surat rasmi dengan menggunakan kepala surat (letter head) syarikat atau Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/PBT bagi memaklumkan pelantikan syarikat baru bersama permohonan baharu.</li> </ul>


### 7.5.5 PERMOHONAN SALINAN PENDUA LESEN


Permohonan untuk mengganti lesen terminal yang hilang atau rosak hendaklah dibuat dalam masa dua puluh empat (24) jam dari masa lesen terminal tersebut didapati hilang atau rosak dengan melampirkan laporan secara bertulis kepada APAD.

<b>Salinan Pendua Lesen</b>	
<b>Syarikat Sdn.Bhd/Berhad/Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan</b>	
Lesen Rosak	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Surat rasmi dengan menggunakan kepala surat (letter head) syarikat atau Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/PBT bagi memaklumkan lesen terminal telah rosak.</li> <li>▪ Mengemukakan bukti salinan lesen telah rosak.</li> </ul>
Lesen Hilang	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Surat rasmi dengan menggunakan kepala surat (letter head) syarikat atau Kerajaan Persekutuan/Kerajaan Negeri/PBT bagi memaklumkan lesen terminal telah hilang.</li> <li>▪ Salinan Laporan Polis yang dibuat oleh penandatangan borang permohonan bagi dokumen yang telah hilang (tempoh sah laku laporan adalah tidak kurang empat belas (14) hari tarikh permohonan) <b>jika lesen masih dalam tempoh sah laku.</b></li> </ul>


## 8. CARTA ALIR PERMOHONAN PELESENAN TERMINAL


### 8.1 PERMOHONAN BAHARU





## 8.2 PERMOHONAN PEMBAHARUAN







### 8.3 PERMOHONAN PENGUBAHAN


8.3.1 Berikut adalah carta alir jenis permohonan pengubahan yang tidak melibatkan pemeriksaan gred terminal:


(i) Nama dan alamat terminal	(ii) Waktu operasi terminal
(iii) Ahli Lembaga Pengarah dan Pemegang Ekuiti;	(iv) Pelan lantai terminal
(v) Nama dan alamat daftar syarikat	(vi) Terminal Sementara
(vii) Nama dan alamat daftar (Bangunan) Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri/ Pihak Berkuasa Tempatan	







8.3.2 Berikut adalah carta alir jenis permohonan pengubahan yang melibatkan pemeriksaan gred terminal iaitu pengubahan gred terminal semasa dalam tempoh Lesen Terminal masih berkuat kuasa.







## 8.4 PERMOHONAN PEMBATALAN





## 8.4 PERMOHONAN PENDUA LESEN





## 9. TEMPOH PIAGAM PELANGGAN

9.1 Tempoh piagam pelanggan permohonan pelesenan terminal adalah seperti berikut :

Jenis Permohonan	Piagam Pelanggan
Baharu	30 hari bekerja
Pembaharuan	14 hari bekerja
Permohonan pengubahan lesen yang tidak melibatkan pemeriksaan gred terminal: <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Nama dan alamat terminal</li> <li>▪ Ahli Lembaga Pengarah dan Pemegang Ekuiti;</li> <li>▪ Nama dan alamat daftar syarikat</li> <li>▪ Nama dan alamat daftar (Bangunan) Kerajaan Persekutuan/ Kerajaan Negeri/ Pihak Berkuasa Tempatan</li> <li>▪ Waktu operasi terminal</li> <li>▪ Pelan lantai terminal</li> <li>▪ Terminal Sementara</li> </ul>	7 hari bekerja
Permohonan pengubahan lesen yang melibatkan pemeriksaan gred terminal	14 hari bekerja
Salinan Pendua Lesen	7 hari bekerja

**LAMPIRAN 1**

**RUPA BENTUK LESEN TERMINAL**



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT

**LESEN TERMINAL  
STESEN DAN PUSAT PENGANGKUTAN**

Adalah dengan ini diperakuan bahawa pemegang lesen yang dinyatakan di bawah ini telah dilesenkan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat mengikut Akta Pengangkutan Awam Darat 2010. Lesen ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti mana dokumen yang dilampirkan bersama-sama pengeluaran lesen ini.

No. Lesen : \_\_\_\_\_

Nama Pemegang Lesen : \_\_\_\_\_

Nama Terminal : \_\_\_\_\_

Alamat Terminal : \_\_\_\_\_

Kategori Terminal : \_\_\_\_\_

Gred Terminal : \_\_\_\_\_

Tarikh Mula Kuat Kuasa : \_\_\_\_\_

Tarikh Sah Laku : \_\_\_\_\_

Sehingga : \_\_\_\_\_

\*Komponen lesen adalah sijil lesen dan syarat-syarat lesen.

**KETUA PENGARAH**

Bertarikh :

**LAMPIRAN 2**

**GARIS PANDUAN PENARAFAN GRED TERMINAL  
( STESEN DAN PUSAT PENGANGKUTAN )**

NO.	KRITERIA	GARIS PANDUAN	GRED TERMINAL						
			CTS			TANPA CTS			
			A	B	C	B	C		
<b>A) SISTEM PENTIKETAN DAN INFORMASI</b>									
1.	Kaunter Tiket Bas Ekspres	<p>Waktu beratur atau <i>queue</i> ke kaunter tiket hendaklah tidak melebihi 15 minit.</p> <p>Nota: Waktu beratur akan menjadi penentuan penetapan jumlah kaunter tiket.</p>	✓	✓	✓	✓	✓		
2.	Perakam Suara & Kamera Litar Tertutup (CCTV)	Setiap Kaunter perlu berupaya menyimpan rekod sekurang-kurangnya 30 hari.	✓	✓	✓	✗	✗		
3.	Mesin Tiket Layan Diri	<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Sekurang-kurangnya hendaklah menyediakan Mesin Tiket Layan Diri dengan jumlah bilangan kaunter (nisbah 1 TVM: 1 kaunter).</li> <li>▪ Penggunaan mesin tiket layan diri lebih banyak dan pelbagai mekanisma pembayaran adalah digalakkan.</li> </ul>	✓	✓	✗	✗	✗		
4.	Kaunter Pas Masuk / Tukaran Tiket ( <i>Boarding Pass Counter</i> )	<p>Waktu beratur atau <i>queue</i> ke kaunter tiket hendaklah tidak melebihi 15 minit.</p> <p>Nota: Waktu beratur akan menjadi penentuan penetapan jumlah kaunter tiket.</p>	✓	✓	✓	✗	✗		

NO.	KRITERIA	GARIS PANDUAN	GRED TERMINAL				
			CTS			TANPA CTS	
			A	B	C	B	C
5.	Kaunter Ke Kawasan Menunggu / Pelepasan ( <i>Auto Pre-Boarding / Barrier Gate</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ Mempunyai Alat Pengimbas QR Code ; dan</li> <li>■ menyediakan sekurang-kurangnya seorang kakitangan di <i>Auto Pre-Boarding / Barrier Gate</i>.</li> </ul>	✓	✓	✗	✗	✗
6.	Kaunter Masuk Bas ( <i>Confirmation Boarding Counter</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>■ sekurang-kurangnya 1 kaunter : 4 petak bas ; dan</li> <li>■ menyediakan sekurang-kurangnya seorang kakitangan di setiap 1 kaunter.</li> </ul>	✓	✓	✗	✗	✗
7.	Kaunter Informasi / Kaunter Khidmat Pelanggan	Hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya 1 kaunter informasi/ kaunter khidmat pelanggan.	✓	✓	✗	✓	✗
8.	Menyediakan Laman Sesawang Untuk Pembelian Tiket	Perincian spesifikasi adalah sepertimana yang ditetapkan oleh APAD.	✓	✓	✓	✗	✗
9.	Menyediakan Aplikasi Untuk Pembelian Tiket Di Playstore Dan Appstore ( <i>Smartphone</i> )	Hendaklah berupaya menjana boarding <i>QR code</i> .	✓	✓	✗	✗	✗
10.	Sistem Paparan Maklumat Penumpang ( <i>PIDS</i> )	<p>Saiz Paparan Maklumat:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Sekurang-kurangnya 1 LCD bersaiz tidak kurang 75" di kawasan pintu masuk utama;</li> <li>■ Sekurang-kurangnya LCD bersaiz tidak kurang 40" di setiap kawasan menunggu.</li> </ul>	✓	✓	✗	✗	✗
11.	Sistem Siar Raya ( <i>PA System</i> )	<p>Hendaklah diletakkan di lokasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>■ Kawasan menunggu</li> <li>■ Tandas</li> <li>■ Petak Bas</li> <li>■ Pintu masuk terminal</li> </ul>	✓	✓	✓	✓	✗

NO.	KRITERIA	GARIS PANDUAN	GRED TERMINAL					
			CTS			TANPA CTS		
			A	B	C	B	C	
<b>B)</b>		<b>SISTEM PENGURUSAN ALIRAN TRAFIK BAGI KENDERAAN DAN PENGGUNA TERMINAL</b>						
<b>SISTEM PENGURUSAN OPERASI TERMINAL</b>								
1.	a) Sistem Platform / Petak Terbuka ( <i>Open Bay / Platform</i> )		✓	✓	✗	✓	✗	
	b) Sistem Pas Masuk Bas ke Terminal	Hendaklah menyediakan salah satu mekanisma sistem pas masuk bas ke dalam terminal. (RFID / LPR / TOUCH N GO / VISA)	✓	✓	✗	✗	✗	
	c) Sistem Digital Paparan ke Lokasi Platform / Petak Bas		✓	✓	✗	✗	✗	
	d) <i>Automatic Boom Gate</i>	Hendaklah dipasang di lokasi: ▪ Laluan keluar bas ▪ Laluan masuk bas ▪ Ruang menunggu bas ( <i>holding bay</i> )	✓	✓	✗	✗	✗	
	e) Bilik Kawalan Boom Gate/ Pendaftaran Kenderaan (Bas)	Perlu berhampiran dengan <i>boom gate</i> .	✓	✓	✗	✗	✗	
2.	Platform / Petak Pelepasan Bas	<u>Gred A</u> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Hendaklah menyediakan platform / petak khusus untuk pelepasan bas.</li> <li>▪ Hendaklah menyediakan had sempadan tertutup / <i>anti climb fence</i> sekurang-kurangnya ketinggian 6 kaki di kawasan laluan dan platform bas bagi tujuan keselamatan.</li> </ul>	✓	✓	✓	✓	✓	

NO.	KRITERIA	GARIS PANDUAN	GRED TERMINAL				
			CTS			TANPA CTS	
			A	B	C	B	C
3.	Platform / Petak Ketibaan Bas	<p><b>Gred A</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Hendaklah menyediakan platform / petak khusus untuk ketibaan bas.</li> <li>▪ Hendaklah menyediakan had sempadan tertutup / <i>anti climb fence</i> sekurang-kurangnya ketinggian 6 kaki di kawasan laluan dan platform bas bagi tujuan keselamatan.</li> </ul>	✓	✓	✓	✓	✓
4.	Menyediakan Ruang Menunggu Bas ( <i>Bus Holding Bay</i> )	Menyediakan satu mekanisma komunikasi antara lokasi ruang menunggu bas dengan platform pelepasan bas yang ditentukan melalui sistem petak terbuka ( <i>open bay</i> ).	✓	✗	✗	✗	✗
5.	Platform Bas Yang Berbumbung	<p><b>Gred A</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Bumbung Penuh / Tiga Suku Penuh</li> </ul>	✓	✓	✓	✓	✓
6.	Paparan Nombor Platform Bas	<p><b>Gred A &amp; B (CTS)</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>▪ Hendaklah menyediakan papan tanda platform digital (<i>pylon system</i>).</li> </ul>	✓	✓	✓	✓	✓
7.	Pegawai/Penyelia Khusus Yang Menjaga Giliran Kenderaan ( <i>Queue Officer</i> )	Waktu operasi	✓	✓	✗	✓	✗
8.	Menyediakan Pengawal Trafik ( <i>Traffic Controller</i> )	Waktu operasi	✓	✓	✗	✓	✗
9.	Tempat Khusus Kenderaan Awam Menurunkan / Mengambil Orang	<p><b>Gred A</b></p> Hendaklah menyediakan kawasan khusus untuk <i>E-Hailing</i> mengambil dan menurunkan penumpang.	✓	✗	✗	✗	✗

NO.	KRITERIA	GARIS PANDUAN	GRED TERMINAL				
			CTS			TANPA CTS	
			A	B	C	B	C
C)	<b>SISTEM KESELAMATAN</b>						
1.	Kamera Litar Tertutup (CCTV)	Hendaklah menyediakan CCTV di lokasi: ▪ Kawasan keluar masuk terminal ▪ lif ▪ Luar tandas ▪ Platform bas & taxi ▪ Ruang menunggu bas ( <i>Holding Bay</i> )	✓	✓	✗	✓	✗
2.	Bilik Kawalan Keselamatan (CCTV / Safety Control Room)	Hendaklah menyediakan petugas untuk mengawal bilik kawalan keselamatan sepanjang waktu operasi terminal.	✓	✓	✗	✓	✗
3.	Bilik / Ruang Khas Untuk Penguat kuasa (JPJ/PDRM/APAD)	<b>Gred A</b> Hendaklah menyediakan bilik / ruang khas untuk pegawai penguatkuasa.	✓	✗	✗	✗	✗
4.	Pengawal Keselamatan/ Polis Bantuan	Perlu menyediakan pengawal keselamatan sepanjang masa.	✓	✓	✗	✓	✗
5.	Laluan Pejalan Kaki Ditandakan Dengan Jelas Dan Selamat	Papan tanda arah.	✓	✓	✗	✓	✗
6.	Pencahayaan Lampu	Perlu memastikan pencahayaan minima 300 lux sekurang-kurangnya di kawasan: ▪ Kaunter tiket ▪ Platform bas ▪ Kawasan menunggu	✓	✓	✓	✓	✓

NO.	KRITERIA	GARIS PANDUAN	GRED TERMINAL					
			CTS			TANPA CTS		
			A	B	C	B	C	
D)	<b>KESELESAAN PENGGUNA TERMINAL</b>							
<b>Pematuhan Fasiliti Orang Kurang Upaya (OKU)</b>								
1.	a) Kaunter Tiket OKU	Hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya 1 kaunter tiket OKU.	✓	✓	✓	✓	✗	
	b) Tandas OKU	Hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya 1 tandas OKU (1:15)	✓	✓	✗	✓	✗	
	c) <i>Guiding and Tactile Paving</i>	Hendaklah menyediakan kemudahan <i>Guiding and Tactile Paving</i> sepetimana yang diperuntukkan di bawah peraturan bangunan ( <i>Building by Law</i> ) di lokasi: ▪ Pintu masuk utama ke lif ▪ Laluan ke kawasan pelepasan ▪ Laluan ketibaan ke lif/ pintu keluar ▪ Laluan ke kaunter ▪ Laluan ke kawasan menunggu	✓	✗	✗	✗	✗	
	d) Laluan Untuk Kerusi Roda	Hendaklah menyediakan kemudahan laluan untuk kerusi roda sepetimana yang diperuntukkan di bawah peraturan bangunan ( <i>Building by Law</i> ) di lokasi: ▪ Laluan kawasan pelepasan ▪ Laluan kawasan ketibaan	✓	✓	✗	✗	✗	
	e) Tempat Meletak Kenderaan OKU	Hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya 1 tempat meletak kenderaan OKU (1:25).	✓	✓	✗	✗	✗	
2.	Kawasan Menunggu Pelepasan ( <i>Departure Hall</i> )	Menyediakan had sempadan tertutup sekurang-kurangnya ketinggian 6 kaki.	✓	✓	✗	✗	✗	

NO.	KRITERIA	GARIS PANDUAN	GRED TERMINAL				
			CTS			TANPA CTS	
			A	B	C	B	C
3.	Kawasan Menunggu Pelepasan Berhawa Dingin		✓	✗	✗	✗	✗
4.	Kerusi Menunggu Kekal	Hendaklah menyediakan kerusi menunggu kekal berdasarkan formula tersebut :  <b>Gred A</b> 80% x 35 x Purata Ridership Penumpang/Hari	✓	✓	✓	✓	✓
5.	Tong Sampah	Hendaklah menyediakan tong sampah yang mencukupi.	✓	✓	✓	✓	✓
6.	Tandas Awam	Hendaklah menyediakan tandas lelaki dan wanita sepetimana yang diperuntukkan di bawah peraturan bangunan ( <i>Building by Law</i> ).	✓	✓	✓	✓	✓
7.	Surau	Hendaklah menyediakan surau lelaki dan wanita.	✓	✓	✗	✓	✗
8.	Ruang Rehat Pemandu	Hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya keperluan kemudahan kepada pemandu bas:  ▪ Ruang rehat ▪ Tandas ▪ Ruang Solat (Pilihan)	✓	✗	✗	✗	✗
9.	Ruang Jualan	Perlu menyediakan ruang jualan mengikut saiz, reka bentuk dan susun atur yang seragam dan tidak mengganggu laluan pengguna di terminal.	✓	✓	✗	✓	✗
10.	Ruang Kedai	▪ Hendaklah menyediakan sekurang-kurangnya ruang kedai bagi perkhidmatan runcit atau makanan dan minuman.  ▪ Hendaklah mematuhi kriteria dan garis panduan operasi ruang kedai seperti di kompleks beli-belah	✓	✓	✗	✓	✗

**LAMPIRAN 3**

**RUPA BENTUK SIJIL PENARAFAN GRED TERMINAL**

 <p>KEMENTERIAN PENGANGKUTAN AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT</p>	
<p style="text-align: center;"><b>LESEN TERMINAL</b> <b>SIJIL PENARAFAN GRED TERMINAL</b></p>	
<p style="text-align: center;">A</p>	
No. Lesen	:
Nama Pemegang Lesen	:
Nama Terminal	:
Alamat Terminal	:
Tarikh Mula Kuat Kuasa	:
Tarikh Sah Laku Sehingga	:
<hr/> <p style="text-align: center;"><i>Ketua Pengarah</i> Bertarikh: 00 April 202X</p>	

**LAMPIRAN 4****FI PELESENAN LESEN**

<b>(1) HAL PERKARA</b>		<b>(2) KADAR FI (RM)</b>
Fi Permohonan Baharu		50.00
Fi Pembaharuan		50.00
Fi Pengubahan		50.00
Fi lesen	<b>(a) Kategori Terminal 1</b>  10,000 penumpang ke atas; atau 3,000 kenderaan ke atas.	14,000.00
	<b>(b) Kategori Terminal 2</b>  5,000 hingga 9,999 penumpang; atau 1,000 hingga 2,999 kenderaan.	7,000.00
	<b>(c) Kategori Terminal 3</b>  1,000 hingga 4,999 penumpang; atau 500 hingga 999 kenderaan.	3,000.00
	<b>(d) Kategori Terminal 4</b>  999 penumpang ke bawah; atau 499 kenderaan dan ke bawah.	1,000.00
Fi pengeluaran	[i] Sijil lesen	30.00
	[ii] Sijil penarafan gred terminal	30.00
	[iii] Syarat-syarat lesen	Percuma
Fi Salinan Pendua Lesen	[i] Sijil lesen	100.00
	[ii] Sijil penarafan gred terminal	100.00
	[iii] Syarat-syarat lesen	50.00

**LAMPIRAN 5****CAJ TERMINAL**

[ 1 ] JENIS CAJ	[ 2 ] CAJ TERMINAL BAGI TERMINAL DENGAN SISTEM PENJUALAN TIKET BERPUSAT (RM)			[ 3 ] CAJ TERMINAL BAGI TERMINAL TANPA SISTEM PENJUALAN TIKET BERPUSAT (RM)	
	Gred A	Gred B	Gred C	Gred B	Gred C
Caj tiket kepada pengendali berlesen bas ekspres	10% daripada harga tiket atau RM5.00 yang mana lebih rendah	10% daripada harga tiket atau RM3.00 yang mana lebih rendah	10% daripada harga tiket atau RM2.00 yang mana lebih rendah	tiada	tiada
Caj masuk bas kepada Pengendali Berlesen:					
[a] bas ekspres	10.00	7.00	5.00	7.00	5.00
[b] bas berhenti-henti	3.00	2.00	1.00	2.00	1.00
[c] lain-lain	15.00	10.00	7.00	10.00	7.00
Caj masuk bas kepada pemegang lesen bas persiaran	15.00	10.00	7.00	10.00	7.00
Caj fasiliti kepada penumpang	1.00	0.70	0.50	tiada	tiada